

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI 1/99  
Lokasi : HOTEL MANDARIN ORIENTAL, KUALA LU  
Tarikh : 30-06-1999

Saudara Pengacara Majlis Pegawai-pegawai Yang Diraikan Dif-dif Jemputan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir di majlis malam ini bagi mengucapkan selamat berpisah dan merakamkan penghargaan Kerajaan kepada 25 pegawai tinggi yang baru bersara sepanjang setengah tahun pertama tahun ini serta untuk meraikan 21 pegawai tinggi yang baru dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan-jawatan utama dan mengetuai beberapa agensi dalam Perkhidmatan Awam. Oleh itu majlis malam ini amat besar ertinya bukan sahaja kepada mereka yang diraikan tetapi juga kepada Kerajaan yang selama ini menerima nikmat taat setia dan sumbangan bakti yang tidak berbelah bagi dari mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Lazimnya seseorang pegawai awam akan lalui tempoh kerja kira-kira 30 tahun sebelum mencapai umur persaraan. Tempoh ini merupakan tempoh usia yang paling produktif dari segi perkembangan daya pemikiran, pengendalian tugas dan kualiti kerja. Tempoh ini diwarnai dengan pelbagai pengalaman, perubahan dan cabaran yang sudah pasti mempengaruhi perwatakan diri, kualiti hidup keluarga serta prestasi kerja.

5. Saudara-saudara yang diraikan malam ini merupakan orang yang berjaya dan berjasa kepada Perkhidmatan Awam dan negara. Bagi mereka yang baru bersara mereka merupakan segelintir kecil dalam Perkhidmatan Awam yang berjaya menduduki tempat yang cukup tinggi di peringkat pucuk pimpinan dalam jabatan atau perkhidmatan masing-masing. Irrespective of what grade you were in, you have risen to the top rung of the public service either as military commander, doctor, engineer, educationist, or administrator. Kejayaan ini diperolehi selepas 30 tahun berkhidmat dengan tekun dan penuh dedikasi, selepas 30 tahun mengharungi berbagai cabaran dan rintangan, selepas 30 tahun mengalami learning process dan 30 tahun kesabaran, Cabaran dan pengalaman inilah yang menghasilkan kualiti kepimpinan yang tinggi hingga diberi kepercayaan memegang tugas dan tanggungjawab yang berat sebelum bersara. Atas dedikasi, komitmen dan pengorbanan dari saudara-saudaralah maka negara kita dapat bergerak maju, aman dan tenteram.

Perkhidmatan Awam berasa sedih melepaskan saudara-saudara ke alam persaraan. Tetapi ini tidak dapat dielakkan kerana peraturan menetapkan semua anggota Perkhidmatan Awam mesti bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun.

5. Umur 55 tahun ini belumlah boleh digolongkan sebagai 'orang tua'. Malah antara kita ada yang kelihatan lebih muda daripada 'orang muda'. Seorang pelawak terkenal Bob Hope pernah berkata 'you know you are growing old when the candles cost more than the cake'. Ada juga yang mengatakan don't worry about age as long as what matters does not age'.

7. Sungguhpun ada pegawai-pegawai Kerajaan yang merasa resah dan bimbang tentang masa depan mereka setelah bersara, saya berasa optimistik saudara-saudara yang diraikan malam ini tidak akan menghadapi apa-apa masalah kerana dengan pengetahuan serta pengalaman yang begitu luas, peluang untuk menerokai alam kerjaya baru amatlah cerah. Saya tahu ramai antara saudara-saudara sudahpun mempuyai pekerjaan baru. Yang lain mungkin sedang memikirkan apa yang patut dibuat atau menilai peluang-peluang yang ada. After 30 years of active public life, I do not think anyone of you will just stay at home and do nothing. Whatever you do now, you will always be remembered for all the contribution that you have made, without which the public service and the nation will not be as strong and as developed as it is today. Saya ucapkan kepada saudara-saudara selamat maju jaya, semoga sentiasa sehat walafiat

sepanjang hayat.

8. Majlis ini juga bertujuan meraikan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang telah mendapat kenaikan pangkat dan telah ditempatkan untuk menerajui pelbagai kementerian dan jabatan. Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang berkenaan. Kejayaan tuan-tuan adalah berasaskan prestasi yang cemerlang dan keyakinan Kerajaan di atas kewibawaan untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi dan lebih mencabar. Tuan-tuan juga telah berjaya melalui beberapa proses ujian competency sebelum dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Saya berharap tuan-tuan menggunakan peluang keemasan ini sebaik mungkin untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang.

Dengan tanggungjawab yang lebih berat ini adalah diharapkan tuan-tuan yang menerajui agensi masing-masing akan dapat memberi bimbingan dan kepimpinan serta idea yang bernas ke arah pencapaian misi agensi khususnya dan Perkhidmatan Awam amnya serta negara keseluruhannya dalam menuju Wawasan 2020. Masih banyak agenda besar di hadapan kita dan hanya dengan semangat dan iltizam yang tinggi dapat kita sama-sama menyempurnakannya. Masih besar cabaran yang kita akan hadapi akibat dari perubahan dalam bidang ekonomi, politik dan teknologi. IT dan globalisasi akan mencabar kewibawaan Perkhidmatan Awam lebih hebat dari masa-masa yang lampau. Di atas bahu saudara-saudaralah terletaknya tanggungjawab untuk memimpin dan melatih Perkhidmatan Awam ke tahap cemerlang dalam millenium akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tidak ketinggalan saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada isteri-isteri rakan-rakan yang bersara. Tanpa sokongan dan kasih sayang mereka, agak sukar bagi suami-suami menjalankan tugas dengan baik. Saya berharap sokongan dan kasih sayang ini dipereratkan lagi terutamanya di saat-saat ini di mana suami sedang melalui peralihan yang mencabar.

Simone de Beuvour, seorang penulis Perancis berkata: "to catch a husband is an art to keep him is a job".

10. Dalam menempuh alam persaraan, saya dan isteri saya berdoa agar tuan-tuan akan sentiasa berada dalam sihat walafiat dan sentiasa dirahmati Allah serta akan dapat terus menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan menjadi seorang warga yang berjaya.

Akhirkata, secebis ungkapan untuk renungan bersama, "...Success will not be based on your bank account or your earthly possessions. Your sense of fulfillment will always be in direct proportion to how wisely you use your time and how well you maintain your health, both of which will be gone forever once they are spent.

Only by nurturing these twin components will your life be balanced, and in the process you will help smooth the ride on ;your road to opportunity through the empire of your mind...." Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.